

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN  
[ SIK ]**

**SOALAN NO. 67**

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bayaran yang dikenakan kepada pelajar luar negara yang membuat pengajian di Malaysia sama ada di IPTA atau IPTS dan apakah ada pengecualian atau potongan bayaran kepada pelajar yang berasal dari keluarga susah terutama dari negara Asean.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Education Malaysia Global Services (EMGS) sentiasa berusaha memastikan semua pelajar antarabangsa yang berhasrat untuk mengikuti pengajian di Malaysia akan diberikan layanan yang sewajarnya. Namun demikian, bayaran yang dikenakan kepada pelajar antarabangsa adalah berpatutan dan EMGS hanya mengenakan bayaran bagi memproses kelulusan visa dan pas pelajar sahaja mengikut surat arahan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Bayaran bagi permohonan visa pelajar antarabangsa (VAL - Visa Approval Letter) yang memohon kali pertama (new application) melalui sistem aplikasi STARS yang dikendalikan oleh EMGS adalah sebanyak RM1,000.00 secara "one-off" (sekali sahaja). Bagi permohonan lanjutan visa tahunan pula, bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM140.00 setahun. Semua pembayaran yang dibuat akan menerima resit rasmi.

## **NO. SOALAN: 67**

Jumlah bayaran atau yuran yang dikenakan oleh EMGS dan penyedia perkhidmatan juga dipaparkan secara telus (*transparent*) secara atas talian (online) melalui laman sesawang [www.educationmalaysia.gov.my](http://www.educationmalaysia.gov.my) di mana para pelajar dan pihak institusi boleh mengetahui setiap kos rasmi yang dikenakan bagi mengelakkan pelajar menjadi mangsa manipulasi harga oleh pihak yang tidak bertanggung jawab.

EMGS hanya mengenakan bayaran untuk memproses visa dan pas pelajar sahaja. Bagi yuran pengajian pelajar, ia tidak tertakluk di bawah pengurusan EMGS.

RT09/67